

# MM Lee: S'pura perlu warga lasak dan kuat

*Generasi muda  
harus ambil  
iktibar daripada  
ibu bapa dan  
datuk nenek*

Oleh **LINILIDIA ABDUL HAMID**  
*lini@sph.com.sg*

SINGAPURA perlukan warga yang mampu bekerja keras dan mempunyai keinginan untuk berjaya bagi Singapura terus bergerak maju di masa hadapan, ujar Menteri Pembimbing, Encik Lee Kuan Yew, malam tadi.

Ini kerana Singapura berada di tempatnya kini hasil usaha generasi terdahulu yang bekerja keras untuk membangunkan Singapura dan mereka mempunyai sikap yang lasak dan kuat.

“Generasi muda hari ini tidak melalui kesusahan dan kepayahan yang dirasakan ibu bapa serta datuk nenek mereka. Generasi yang membangunkan Singapura sedar jika mereka tidak bekerja keras, mereka tidak mungkin akan menikmati kejayaan,” ujar Encik Lee lagi.

Walaupun generasi muda hari ini dibesarkan dengan segala kemudahan, beliau berharap mereka akan dapat memahami secara emosional dan intelektual bahawa jika kita tidak terus bekerja keras, kita akan kembali ke mana Singapura bermula dahulu.

Namun begitu, sukar bagi Singapura mencari tukikannya yang tersendiri.

“Apa saja yang Singapura lakukan lambat laun negara lain seperti China juga mampu melakukannya dan mereka boleh melakukannya dengan lebih baik daripada Singapura.

“Malah banyak syarikat teknologi maklumat (IT) Singapura juga mempunyai pejabat di China,” ujar beliau sewaktu sesi dialog di Pusat Budaya Universiti, Universiti Nasional Singapura (NUS), malam tadi.

Sesi dialog itu yang dihadiri lebih daripada 1,200 pelajar, pensyarah dari NUS, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengu-

rusan Singapura (SMU) dianjurkan oleh Persatuan Politik Pelajar NUS.

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Lee memberikan contoh, pada tahun '70-an dan '80-an, China masih belum mempelajari teknologi terkini IT, tetapi kini mereka mampu menghasilkan barangan elektronik yang canggih.

Katanya, satu bidang yang boleh Singapura terokai ialah tentang isu penjagaan hak intelektual (IP) kerana ia mungkin mengambil masa yang lama untuk China mempunyai undang-undang berkesan dalam hal itu.

Forum Menteri Kent Ridge 2009 merupakan acara utama persatuan itu dengan tujuan menggalakkan kesedaran politik di kalangan mahasiswa, selain untuk memupuk minat

mereka dalam isu-isu politik, sosial dan ekonomi.

Selain isu masa depan Singapura, sesi dialog selama sejam itu turut menyentuh mengenai isu-isu pemsanan global dan bagaimana Singapura boleh menjadi lebih mesra alam.

Semasa forum itu, Encik Lee telah menjawab sembilan soalan, yang dipilih daripada 500 soalan yang diterima.

Menurut moderator forum itu, Duta Kelana, Profesor Tommy Koh, sembilan soalan yang dirasakan terbaik telah dipilih untuk diutarakan kepada Encik Lee.

Pelajar yang terpilih bertanyakan soalan kepada Encik Lee termasuk seorang pelajar yang berasal dari China tetapi belajar di sini.